

Maklumat Umum

1. Anda dikehendaki memberi laporan lengkap dan tepat jika jumlah keseluruhan mata wang* dan instrumen boleh niaga dalam bentuk pembawa* (CBNI) yang anda pindahkan atau cuba pindahkan (sama ada untuk diri anda atau bagi pihak sesiapa, dan sama ada anda bersama sesiapa) **melebihi SGD 20 000 (atau mempunyai nilai yang sama dalam mata wang asing)**, ketika memasuki atau meninggalkan Singapura.
2. Jika anda gagal memberikan laporan lengkap dan tepat, mengikut undang-undang, anda boleh didenda tidak melebihi SGD 50,000 atau dipenjara selama suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, ataupun kedua-duanya sekali. CBNI tersebut juga mungkin dirampas.
3. Untuk mendapatkan bantuan, sila berjumpa dengan pegawai imigresen atau lungsuri laman web Pasukan Polis Singapura di www.police.gov.sg/Advisories/Crime/Commercial-Crimes/Suspicious-Transaction-Reporting-Office.



4. Sila isikan borang dalam bahasa Inggeris sahaja.

* **Mata Wang** bermaksud syiling dan wang kertas (sama ada milik Singapura atau negara/rantau lain) yang ditetapkan sebagai wang sah dan diguna terima sebagai bahan pertukaran di negara/rantau yang mengeluarkannya.

* **Instrumen Boleh Niaga dalam Bentuk Pembawa (BNI)** bermaksud:

- (a) cek kembara; atau
- (b) instrumen boleh niaga dalam bentuk pembawa sama ada diendorskan tanpa syarat atau dibuat kepada penerima yang tidak wujud atau selainnya dalam bentuk yang hakmilik baginya berpindah apabila diserahkan, dan termasuk juga instrumen boleh niaga yang telah ditandatangani tetapi tidak mengandungi nama penerima.

Contoh instrumen boleh niaga adalah bil pertukaran, cek dan nota janji hutang.

Senarai kod mata wang

Negara/Rantau, Mata Wang	Kod Mata Wang
Australia, Dolar	AUD
Bangladesh, Taka	BDT
Brunei Darussalam, Dolar	BND
Kanada, Dolar	CAD
China, Yuan Renminbi	CNY
Denmark, Kroner	DKK
Mesir, Paun	EGP
Negara Anggota Euro, Euro	EUR
Hong Kong, Dolar	HKD
India, Rupee	INR
Indonesia, Rupiah	IDR
Jepun, Yen	JPY
Korea, Won	KRW
Kuwait, Dinar	KWD
Malaysia, Ringgit	MYR
Mexico, Peso	MXN
New Zealand, Dolar	NZD
Norway, Krone	NOK
Pakistan, Rupee	PKR
Filipina, Peso	PHP
Rusia, Ruble	RUB
Arab Saudi, Riyal	SAR
Singapura, Dolar	SGD
Afrika Selatan, Rand	ZAR
Sri Lanka, Rupee	LKR
Sweden, Kronor	SEK
Switzerland, Franc	CHF
Taiwan, Dolar Baru	TWD
Thailand, Baht	THB
United Kingdom, Paun	GBP
Amerika Syarikat, Dolar	USD
Vietnam, Dong	VND

Sila pulangkan borang kepada
Pegawai Imigresen di:

Lorong Merah – Sewaktu Ketibaan
Kaunter Imigresen – Sewaktu Berlepas

Laporan Mata Wang dan Instrumen Boleh Niaga Dalam Bentuk Pembawa

Pelawat

**AKTA RASUAH, PENGEDARAN DADAH DAN JENAYAH BERAT LAIN 1992
(PERAMPASAN HASIL JENAYAH)
SEKSYEN 60**



Tiada larangan untuk menerima dan membawa keluar sebarang jenis atau jumlah mata wang* dan instrumen boleh niaga dalam bentuk pembawa*. Laporan ini diperlukan bagi mengekang kegiatan penyaluran wang haram dan pembiayaan pengganasan antarabangsa.

BORANG INI DIBERIKAN PERCUMA.

